

# Hampir 10 peratus kawasan di negara ini kerap banjir

Kosmo  
9/6

JOHOR BAHRU - Hampir 10 peratus kawasan di negara ini kerap dilanda banjir setiap tahun membabitkan kerugian harta benda berjumlah kira-kira RM900 juta, kata Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Paduka Keizrul Abdullah.

Menurutnya, pembangunan di sesuatu kawasan yang berlebihan serta tidak terancang dikenal pasti sebagai punca banjir tersebut.

"Sebelum ada pembangunan, sebahagian besar daripada air hujan itu akan ditakung secara semulajadi pada daun dan tanah, tetapi apabila kawasan tersebut dibangunkan dan aktiviti penebangan pokok-pokok bermula untuk membuat jalan dan lain-lain, ia menghalang air-air tersebut daripada ditakung secara semulajadi oleh tanah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian persidangan tahunan pengurus kanan JPS di sini semalam.

Keizrul berkata, majoriti kawasan yang kerap dilanda banjir di negara ini terletak dalam bandar.

Menurutnya, JPS mendapati kuantiti air sungai meningkat lebih daripada dua kali ganda meskipun hanya 40 peratus dari keseluruhan kawasan terbabit dibangunkan.